

**PERINTAH DARURAT
(MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH), 1998**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Naskhah dalam bahasa Melayu adalah terpakai.
4. Pengecualian hak mutlak.
5. Bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Syariah.

BAHAGIAN II

MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH

PENUBUHAN DAN BIDANG KUASA

6. Mahkamah-Mahkamah Syariah.
7. Meterai Mahkamah, bahasa dan rekod.
8. Perlantikan Ketua Hakim Syar'ie.
9. Perlantikan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.
10. Perlantikan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
11. Perlantikan Hakim-Hakim bagi Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.
12. Tempoh memegang jawatan, penamatkan dan pemecatan perkhidmatan Hakim Mahkamah-Mahkamah Syariah.
13. Perlantikan Ketua Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar.
14. Lantikan-lantikan hendaklah diberitahu.

15. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.
16. Bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.
17. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah.
18. Rayuan dan permohonan untuk kebenaran merayu.
19. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah.
20. Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah.
21. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah.
22. Keahlian Mahkamah Rayuan Syariah.
23. Keputusan majoriti.
24. Penerusan prosiding dalam Mahkamah Rayuan Syariah walaupun ketiadaan Hakim Syar'ie.

BAHAGIAN III

PENDAKWAAN, PENYIASATAN DAN PERWAKILAN

25. Perlantikan Pendakwa-Pendakwa Syar'ie.
26. Perlantikan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama.
27. Peguam Syar'ie.

BAHAGIAN IV

AM

28. Aturan-Aturan Mahkamah.
29. Pengsabitan dan pengesahan anak bulan.
30. Peralihan.
31. Pengecualian.
32. Pengenaan sementara ke atas kes-kes yang belum diputuskan.
33. Pemansuhan.

Bil. S 37

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran,
permulaan
kuatkuasa dan
gelaran
panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh atau tarikh-tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

[2] Tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan di bawah ceraian (1) bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan bagi peruntukan yang sama.

[3] Gelaran panjang Perintah adalah "Suatu Perintah bagi menggubal peruntukan-peruntukan tertentu mengenai penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah, perlantikan, kuasa-kuasa Hakim Syar'ie dan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah dan perkara-perkara lain berhubung dengan prosiding di Mahkamah-Mahkamah Syariah, dan bagi pengsabitan dan pengesahan anak bulan".

Tafsiran. 2. [1] Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

"Hakim" bermakna Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 9(1), 10(1) dan 11 dan termasuk Ketua Hakim Syar'ie ;

"Hakim Mahkamah Rayuan Syariah" bermakna Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah bab 9(1) ;

"Hakim Mahkamah Rendah Syariah" bermakna Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik di bawah bab 11 ;

"Hakim Mahkamah Tinggi Syariah" bermakna Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang dilantik di bawah bab 10(1) ;

"Hakim Syar'ie" bermakna Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 9(1), 10(1) dan 11 dan termasuk Ketua Hakim Syar'ie ;

"Kadi" bermakna seorang Kadi yang dilantik di bawah bab 45(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi dan termasuk Kadi Besar dan Timbalan Kadi Besar ; Penggal 77.

"Ketua Hakim Syar'ie" bermakna Ketua Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab 8(1) ;

"Ketua Pendakwa Syar'ie" bermakna pegawai yang dilantik di bawah bab 25(1) ;

"Mahkamah-Mahkamah Syariah" bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah bab 6(1) ;

"Majlis" bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi ; Penggal 77.

"Pegawai Penguatkuasa Agama" bermakna pegawai yang dilantik di bawah bab 26 dan termasuk Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama ;

"Peguam Syar'ie" bermakna seseorang yang diterima sebagai Peguam Syar'ie di bawah bab 27(1) ;

"Yang Dipertua Majlis" bermakna seseorang yang dilantik di bawah bab 13(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi. Penggal 77.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am, hendaklah masing-masing mempunyai makna yang sama yang ditentukan kepadanya dalam Akta itu setakat yang ia tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'*. Penggal 4.

(3) Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul dalam memberi takrif sebarang perkataan atau ungkapan berkaitan dengan *Hukum Syara'*, maka adalah menjadi budi bicara Mahkamah-Mahkamah Syariah untuk menentukan makna perkataan atau ungkapan tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Naskhab dalam bahasa Melayu adalah terpakai.

3. Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul tentang maksud atau kehendak sesuatu peruntukan di bawah Perintah ini, naskhab dalam bahasa Melayu adalah terpakai.

Pengecualian hak mutlak.

4. Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam Perintah ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak mutlak dan kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Ketua Ugama bagi Negara Brunei Darussalam.

Bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Syariah.

5. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tiada mahkamah selain dari sesebuah mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian II boleh mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di bawah bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah.

BAHAGIAN II

MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH

PENUBUHAN DAN BIDANG KUASA

Mahkamah-Mahkamah Syariah.

6. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan Mahkamah-Mahkamah Syariah yang terdiri daripada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah, dengan bidang kuasa, kuasa-kuasa, kewajipan dan autoriti sebagaimana yang diberi dan dikenakan oleh Perintah ini dan oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negara Brunei Darussalam.

(3) Dengan tidak menghiraukan ceraian (2), Mahkamah-Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa jenayah terhadap kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam oleh warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Meterai Mahkamah, bahasa dan rekod.

7. (1) Tiap-tiap Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai dan menggunakan apabila perlu meterai yang bentuk dan coraknya diluluskan oleh Majlis.

(2) (a) Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa Mahkamah-Mahkamah Syariah tetapi Mahkamah-Mahkamah Syariah boleh demi kepentingan keadilan membenarkan penggunaan mana-mana bahasa lain.

- (b) Segala dokumen atau rekod prosiding boleh ditulis dalam skrip jawi atau rumi.
- (c) Tiap-tiap Mahkamah Syariah hendaklah menyimpan dan menyelenggara rekod yang lengkap dan betul berkenaan dengan segala tindakan atau prosiding di hadapannya, akaun yang lengkap dan betul mengenai segala urusan kewangan Mahkamah Syariah dan hendaklah mengakaunkan segala wang yang diterima dengan cara yang diperuntukkan oleh Peraturan-Peraturan Kewangan atau dengan cara lain sebagaimana yang mungkin diperintahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.
- (d) Mana-mana proses yang dikeluarkan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah hendaklah mengandungi meterainya dan hendaklah ditandatangani oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa.
- (e) Semua saman, waran, perintah, peraturan, notis dan proses apa pun, sama ada mal atau jenayah, yang dikeluarkan atau dibuat oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang mempunyai kuasa mengenai perkara-perkara di dalam bidang kuasanya hendaklah mempunyai kuasa dan natijah yang penuh dan boleh disampaikan atau dilaksanakan di mana-mana juga di dalam Negara Brunei Darussalam.

8. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Yang Dipertua Majlis dan selepas berunding dengan Majlis, melantik Ketua Hakim Syar'ie.

Perlantikan
Ketua Hakim
Syar'ie.

(2) Seseorang itu layak dilantik di bawah ceraian (1) jika –

- (a) dia seorang warganegara Negara Brunei Darussalam ; dan
- (b) dia –
 - (i) selama tempoh kumulatif yang tidak kurang dari tujuh tahun sebelum perlantikannya, telah berkhidmat sebagai sama ada Hakim Mahkamah Syariah, atau Kadi, atau dalam kedua-dua jawatan tersebut ; atau
 - (ii) seorang yang arif dalam *Hukum Syara'*.

Perlantikan
Hakim-Hakim
Mahkamah
Rayuan
Syariah.

9. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Yang Dipertua Majlis dan selepas berunding dengan Majlis, melantik dan melantik semula, selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, tidak lebih daripada lima orang Islam untuk menubuhkan suatu panel tetap Hakim, dan Ketua Hakim Syar'ie hendaklah memilih dua orang daripada kalangan mereka untuk membentuk korum Hakim dalam Mahkamah Rayuan Syariah bagi tiap-tiap prosiding.

(2) Seseorang itu layak dilantik di bawah ceraian (1) jika –

- (a) dia seorang warganegara Negara Brunei Darussalam ; dan
- (b) dia –
 - (i) selama tempoh kumulatif yang tidak kurang dari tujuh tahun sebelum perlantikannya, telah berkhidmat sebagai sama ada Hakim Mahkamah Syariah, atau Kadi, atau dalam kedua-dua jawatan tersebut ; atau
 - (ii) seorang yang arif dalam *Hukum Syara'*.

Perlantikan
Hakim-Hakim
Mahkamah
Tinggi Syariah.

10. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Yang Dipertua Majlis dan selepas berunding dengan Majlis, melantik Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Seseorang itu layak dilantik di bawah ceraian (1) jika –

- (a) dia seorang warganegara Negara Brunei Darussalam ; dan
- (b) dia –
 - (i) selama tempoh kumulatif yang tidak kurang dari tujuh tahun sebelum perlantikannya, telah berkhidmat sebagai sama ada Hakim Mahkamah Rendah Syariah, atau Kadi, atau Pendaftar, atau Pendakwa Syar'ie, atau dalam lebih dari satu jawatan tersebut ; atau
 - (ii) seorang yang arif dalam *Hukum Syara'*.

Perlantikan
Hakim-Hakim
bagi
Mahkamah
Mahkamah
Rendah
Syariah.

11. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Yang Dipertua Majlis dan selepas berunding dengan Majlis, melantik Hakim-Hakim bagi Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.

12. (1) Ketua Hakim Syar'ie dan Hakim-Hakim Syar'ie yang masing-masing dilantik di bawah bab-bab 8(1) atau 10(1) hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh lima tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya sebagaimana mungkin diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Tempoh
memegang
jawatan,
penamatian dan
pemecatan
perkhidmatan
Hakim
Mahkamah-
Mahkamah
Syariah.

(2) Ketua Hakim Syar'ie dan mana-mana Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 8(1), 9(1) dan 10(1), mengikut mana yang berkenaan, boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan menghantar surat perletakan jawatan yang ditandatangani olehnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melalui Majlis atau Ketua Hakim Syar'ie, mengikut mana yang berkenaan, tetapi dia tidak boleh dipecat daripada jawatan atau ditamatkan perkhidmatannya kecuali mengikut peruntukan ceraian-ceraian {3}, {4} dan {5}.

(3) Jika Majlis atau Ketua Hakim Syar'ie merujukkan suatu pernyataan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa Ketua Hakim Syar'ie, atau mana-mana Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 8(1), 9(1) dan 10(1), mengikut mana yang berkenaan, patut dipecat atau ditamatkan perkhidmatannya atas alasan –

- (a) salah laku ; atau
- (b) kehilangan upaya, oleh kerana kelemahan tubuh badan atau otak atau sebab-sebab lain, untuk menyempurnakan kewajipannya dengan sewajarnya,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik suatu tribunal mengikut ceraian {4} dan merujukkan pernyataan itu kepadanya, dan boleh atas syor tribunal itu menamatkan perkhidmatan Ketua Hakim Syar'ie atau Hakim Syar'ie itu, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Tribunal tersebut hendaklah mengandungi tidak kurang daripada tiga orang Islam yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai Hakim Syar'ie atau Hakim Mahkamah Besar atau yang pernah dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Kehakiman bagi Majlis di bawah bab 44 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, dan tribunal itu hendaklah diketuai oleh ahli yang paling kanan :

Penggal 77.

Dengan syarat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik mana-mana orang lain yang difikirkannya berkelayakan atau arif dalam *Hukum Syara'* untuk menganggotai tribunal tersebut.

(5) Sementara menantikan apa-apa rujukan dan laporan di bawah ceraian (3), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas syor Majlis atau Ketua Hakim Syar'ie, menggantung Ketua Hakim Syar'ie atau Hakim Syar'ie, mengikut mana yang berkenaan, daripada menjalankan kewajipan-kewajipannya.

(6) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraian (1), kesahan apa-apa perkara yang dilakukan oleh seseorang Hakim Syar'ie tidaklah boleh dipersoalkan atas alasan bahawa Hakim Syar'ie itu telah mencapai had umur bersara.

Perlantikan
Ketua
Pendaftar,
Timbalan
Pendaftar,
Pendaftar dan
Penolong-
Penolong
Pendaftar.

13. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Ketua Hakim Syar'ie, melantik seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Timbalan Pendaftar dan Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.

Lantikan-
lantikan
hendaklah
diberitahu.

14. Notis bagi semua lantikan di bawah Bahagian ini hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Bidang kuasa
Mahkamah
Tinggi Syariah.

15. Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah sebarang undang-undang bertulis yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan jenayah syariah, di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan undang-undang keluarga Islam atau di bawah sebarang undang-undang bertulis lain yang memberi kepada Mahkamah Tinggi Syariah bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan, dan boleh mengenakan sebarang hukuman yang diperuntukkan di dalamnya ; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang berhubung dengan –

(i) pertunangan, perkahwinan (termasuk *ta'at balik*), perceraian, *khulu'*, *fasakh*, *cerai ta'liq*, menentukan giliran, *li'an*, *illa* atau mana-mana perkara yang berkaitan dengan perhubungan suami isteri ;

(ii) mana-mana pembahagian atau tuntutan kepada mana-mana harta yang terbit dari mana-mana perkara yang tersebut dalam perenggan kecil (i) perenggan ini ;

- (iii) nafkah tanggungan, kesahtaraan (*ithbatun nasab*) atau penjagaan atau jagaan (*hadanah*) kanak-kanak ;
- (iv) pembahagian atau tuntutan kepada *harta sepencarian* ;
- (v) wasiat atau pemberian semasa *maradal-maut* ;
- (vi) pemberian (*hibah*), atau penyelesaian (*sulh*) yang dibuat tanpa balasan wang atau tanpa nilai yang memadai oleh seseorang Islam ;
- (vii) *waqaf* atau *nazar* ;
- (viii) pembahagian dan pewarisan harta, berwasiat atau tidak berwasiat ;
- (ix) penentuan orang-orang yang berhak mendapat bahagian harta pusaka si-mati Islam atau sebahagiannya yang orang-orang itu masing-masing berhak ; atau
- (x) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh sebarang undang-undang bertulis.

16. (1) Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah hendaklah –

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah sebarang undang-undang bertulis yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan jenayah syariah, yang menetapkan kesalahan-kesalahan jika hukuman maksimum yang diperuntukkan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali dan boleh mengenakan sebarang hukuman yang diperuntukkan baginya ;
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskan, jika jumlah atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.

Bidang kuasa
Mahkamah-
Mahkamah
Rendah
Syariah.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas syor Ketua Hakim Syar'ie dari masa ke semasa, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menambah bidang kuasa mal Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.

Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah. 17. (1) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi Syariah terhadap apa-apa keputusan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Dalam bidang kuasa jenayahnya, suatu rayuan boleh dibuat oleh Pendakwa Syar'ie atau oleh seseorang yang telah disabitkan kesalahan dan dihukum penjara atau didenda dan rayuan itu boleh dibuat terhadap pembebasan, atau terhadap penyabitan kesalahan atau hukuman atau kedua-duanya sekali, atau mana-mana bahagiannya.

(3) Dalam bidang kuasa malnya, suatu rayuan boleh dibuat –

- (a) oleh mana-mana orang yang terkilan atau tidak berpuas hati dengan sebarang keputusan ;
- (b) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan atau tidak berpuas hati dengan keputusan itu ; dan
- (c) dalam semua kes berhubung dengan nafkah orang-orang tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan atau tidak berpuas hati dengan keputusan itu :

Dengan syarat bahawa rayuan itu tidaklah boleh dikemukakan terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan.

(4) Dalam sebarang kes yang tidak diperuntukkan dalam ceraian-ceraian (2) atau (3), suatu rayuan boleh dibuat jika Mahkamah Tinggi Syariah memberi kebenaran untuk merayu.

(5) Dalam sebarang rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh –

- (a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan itu, menyabitkan dan menghukum perayu, memerintahkan Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau memerintahkan penyiasatan lanjut, menambah atau mengubah hukuman itu, memerintahkan perbicaraan semula, atau mengubah atau mengakaskan apa-apa perintah Mahkamah perbicaraan ;
- (b) dalam perkara mal, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan

oleh Mahkamah perbicaraan, membuat perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan, atau memerintahkan perbicaraan semula.

18. (1) Suatu rayuan atau permohonan untuk kebenaran merayu di bawah bab 17(4) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut prosedur yang ditetapkan, tetapi, dalam sebarang hal, hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya rayuan atau permohonan itu dibuat.

Rayuan dan permohonan untuk kebenaran merayu.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan untuk kebenaran merayu boleh, atas alasan khas, melanjutkan tempoh untuk merayu, walaupun masanya telah tamat.

19. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika didapati perlu, demi kepentingan keadilan, sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam sebarang perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, meminta dan memeriksa mana-mana rekod mengenainya dan boleh membuat apa-apa perintah yang perlu demi kepentingan keadilan.

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah meminta rekod di bawah ceraian (1), semua prosiding dalam Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah mengenai perkara atau prosiding tersebut hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

20. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.

Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Apabila suatu rayuan terhadap suatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh, atas permohonan mana-mana pihak, memberi kebenaran supaya sebarang persoalan undang-undang demi kepentingan awam yang berbangkit dalam masa rayuan itu, dan jika keputusan Mahkamah Tinggi Syariah telah menjejaskan keputusan rayuan itu, dirujukkan kepada Mahkamah Rayuan Syariah untuk diputuskan olehnya.

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah.

(3) Apabila kebenaran diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan untuk dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang mungkin telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, dan sebagaimana yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu.

Keahlian Mahkamah Rayuan Syariah.

21. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika didapati perlu demi kepentingan keadilan, sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam sebarang perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, meminta dan memeriksa mana-mana rekod mengenainya dan boleh memberi apa-apa arahan yang perlu demi kepentingan keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Rayuan Syariah meminta rekod di bawah ceraian (1), semua prosiding dalam Mahkamah Tinggi Syariah mengenai perkara atau prosiding tersebut hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Rayuan Syariah.

Keputusan majoriti.

22. (1) Suatu rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan diputuskan oleh seorang Pengerusi dan mana-mana dua orang daripada Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syar'ie.

(2) Ketua Hakim Syar'ie boleh melantik mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi seorang ahli Mahkamah Rayuan Syariah dalam mana-mana prosiding yang tertentu jika Ketua Hakim Syar'ie berpendapat perlu berbuat demikian.

(3) Dua orang yang dilantik untuk menganggotai Mahkamah Rayuan Syariah di bawah ceraian-ceraian (1) dan (2) hendaklah tidak termasuk Hakim Syar'ie yang telah membicarakan atau membuat keputusan tentang kes yang dirayu itu.

Penerusan prosiding dalam Mahkamah Rayuan Syariah walaupun ketiadaan Hakim Syar'ie.

(4) Ketua Hakim Syar'ie hendaklah menjadi Pengerusi dalam tiap-tiap prosiding Mahkamah Rayuan Syariah, dan sekiranya dia tidak dapat menjalankan kewajipannya, Ketua Hakim Syar'ie hendaklah melantik Hakim yang paling kanan di antara Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi Pengerusi.

23. Suatu rayuan hendaklah diputuskan mengikut keputusan majoriti daripada ahli-ahli Mahkamah Rayuan Syariah.

24. (1) Jika, dalam perjalanan mana-mana prosiding dalam suatu rayuan atau pada bila-bila masa sebelum penghakiman diumumkan, mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar kes itu tidak dapat hadir dan menyelesaikan prosiding itu ataupun menjalankan tugasnya sebagai Hakim Mahkamah itu, kerana sakit atau sebarang sebab lain, maka, jika kedua-dua pihak bersetuju, pendengaran itu hendaklah

diteruskan dan penghakiman atau penghakiman yang ditangguh, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah diberi oleh dua orang Hakim Syar'ie yang ada itu, dan bagi maksud rayuan tersebut, Mahkamah itu hendaklah disifatkan telah sempurna ditubuhkan.

(2) Dalam mana-mana kes yang disebutkan dalam ceraian (1), jika tiada keputusan sebulat suara, rayuan itu hendaklah didengar semula.

(3) Jika di bawah ceraian (1), kedua-dua pihak tidak memberi persetujuan mereka, atau lebih daripada seorang Hakim Syar'ie tidak dapat hadir dan menjalankan tugas mereka sebagai Hakim-Hakim Mahkamah itu, kerana sakit atau sebarang sebab lain, rayuan hendaklah didengar semula.

BAHAGIAN III

PENDAKWAAN, PENYIASATAN DAN PERWAKILAN

25. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Yang Dipertua Majlis dan selepas berunding dengan Majlis, melantik seseorang yang berkelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, untuk menjadi Ketua Pendakwa Syar'ie.

Perlantikan
Pendakwa-
Pendakwa
Syar'ie.

(2) Ketua Pendakwa Syar'ie hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan dan menjalankan mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah.

(3) Pada menjalankan kuasa ini Ketua Pendakwa Syar'ie tidak tertakluk kepada arahan atau kawalan mana-mana orang lain atau pihak berkuasa.

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Yang Dipertua Majlis dan selepas berunding dengan Ketua Pendakwa Syar'ie, melantik orang-orang yang layak dan sesuai dari kalangan anggota perkhidmatan awam untuk menjadi Pendakwa-Pendakwa Syar'ie yang akan bertindak di bawah pengawasan dan arahan Ketua Pendakwa Syar'ie dan boleh menjalankan semua atau sebarang hak dan kuasa yang terletak dalam tangan atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syar'ie sendiri.

26. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Yang Dipertua Majlis dan selepas berunding dengan Majlis, melantik orang atau orang-orang yang layak dan sesuai dari kalangan anggota perkhidmatan awam untuk menjadi –

Perlantikan
Pegawai-
Pegawai
Penguatkuasa
Agama.

(a) Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama ; dan

(b) Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama ;

untuk menjalankan penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis lain yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan terhadap *Hukum Syara'*.

Peguam Syar'ie. 27. (1) Ketua Hakim Syar'ie boleh, setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, menerima orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang *Hukum Syara'* dan sesuai untuk menjadi Peguam Syar'ie mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah.

(2) Tiada sesiapa pun selain daripada Peguam Syar'ie berhak hadir sebagai wakil *bil-khusumah* dalam mana-mana Mahkamah Syariah untuk mewakili mana-mana pihak kepada mana-mana prosiding di hadapannya.

BAHAGIAN IV

AM

Aturan-Aturan Mahkamah. 28. Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat Aturan-Aturan Mahkamah –

- (a) untuk mengawalselia amalan dan prosedur Mahkamah-Mahkamah Syariah ;
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi prosedur, kelayakan-kelayakan dan bayaran bagi penerimaan Peguam Syar'ie ; dan
- (c) untuk mengawalselia, mengawal dan mengawasi kelakuan Peguam Syar'ie.

Pengsabitan dan pengesahan anak bulan. 29. (1) Hendaklah menjadi tanggungjawab Ketua Hakim Syar'ie pada atau lebih kurang waktu awal atau akhir pada tiap-tiap bulan membuat penyiasatan bagi menentukan haribulan bagi bulan-bulan baru boleh berlakunya *rukyah* dan juga membuat penyiasatan pada mana-mana hari tertentu anak bulan itu boleh kelihatan dan kemudian mensabitkan dan mengesahkan hasil *rukyah* itu dengan tandatangannya.

(2) Setelah membuat penyiasatan-penyiasatan yang disebutkan dalam ceraian (1), Ketua Hakim Syar'ie hendaklah memaklumkan pengsabitan dan pengesahan *rukyah* tersebut dengan segera kepada Yang Dipertua Majlis supaya perkara itu disembaikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Pengsabitan dan pengesahan yang telah dibuat oleh Ketua Hakim Syar'ie mengenai *rukyah* berkenaan adalah muktamad.

30. (1) Apabila sahaja mula berkuatkuasa Perintah ini, Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi yang ditubuhkan di bawah ceraian-ceraian (1) dan (2) bab 46 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah bab 6(1) dari Perintah ini dan semua prosiding yang telah dimulakan dalam Mahkamah-Mahkamah tersebut hendaklah diteruskan dan dijalankan di bawah Perintah ini.

Peralihan.

Penggal 77.

(2) Orang-orang yang sebaik sahaja sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini telah memegang jawatan Kadi Besar dan Timbalan Kadi Besar yang dilantik di bawah bab 45(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi hendaklah pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah bab 10(1) dari Perintah ini.

(3) Mana-mana orang yang sebaik sahaja sebelum berkuasanya Perintah ini telah memegang jawatan Kadi yang dilantik di bawah bab 45(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi hendaklah pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah bab 11 dari Perintah ini.

31. Sebelum Mahkamah Rayuan Syariah ditubuhkan di bawah bab 6(1) dan Ketua Hakim Syar'ie dan panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah masing-masing dilantik di bawah bab-bab 8(1) atau 9(1) –

Pengecualian.

(a) Jawatankuasa Kehakiman bagi Majlis yang ditubuhkan di bawah bab 44(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi hendaklah dikekalkan dengan mempunyai segala kuasa Mahkamah Rayuan Syariah yang ditubuhkan di bawah bab 6(1) dari Perintah ini ;

Penggal 77.

(b) orang yang memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman bagi Majlis yang dilantik di bawah bab 44(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, hendaklah pada permulaan kuatkuasa Perintah ini disifatkan sebagai Ketua Hakim Syar'ie seolah-olah dia telah dilantik di bawah bab 8(1) dari Perintah ini ;

(c) mana-mana ahli Jawatankuasa Kehakiman bagi Majlis yang dilantik di bawah bab 44(2) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi sebelum

permulaan kuatkuasa Perintah ini, hendaklah pada permulaan kuatkuasa Perintah ini disifatkan sebagai panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah seolah-olah mereka telah dilantik di bawah bab 9(1) dari Perintah ini,

sehingga perlantikan mereka ditamatkan atau Mahkamah Rayuan Syariah ditubuhkan, mengikut mana yang terdahulu.

Pengenaan
sementara ke
atas kes-kes
yang belum
diputuskan.

Penggal 77.

Pemansuhan.
Penggal 77.

32. Bagi menyelesaikan kes-kes dan perkara-perkara yang belum diputuskan di hadapan mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, peruntukan-peruntukan prosedur di bawah Perintah ini boleh dikenakan setakat mana ia tidak akan menyebabkan ketidakadilan.

33. Bab-bab 45, 46, 47, 48, 49, 50, 50A, 51, 52, 53, 54, 55, 68, 75, 94 dan 198 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi adalah dengan ini dimansuhkan.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Jamadilakhir Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 20 haribulan Oktober, 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM